

Teraju Perlu Tingkatkan Peranan Pacu Ekonomi Bumiputera

Publication	wanitaubc.blogspot.com	Section /Page No.	Online
Date	Mon, 1 st Dec 2014	Lead Article	
Headline	Teraju Perlu Tingkatkan Peranan Pacu Ekonomi Bumiputera		



KUALA LUMPUR, 28 November 2014, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) di bawah Jabatan Perdana Menteri diminta meningkatkan lagi peranan mereka sebagai pemacu pembangunan ekonomi Bumiputera. Wakil Umno Wilayah Persekutuan Dato' Zurainah Musa ketika membahaskan usul ekonomi pada Perhimpunan Agung Umno 2014 berkata Teraju perlu menyampaikan maklumat kepada orang ramai berkenaan peluang perniagaan dan pembangunan modal insan kepada syarikat Bumiputera di negara ini. "Teraju pernah mengumumkan mereka ada RM46.5 bilion peluang perniagaan dan pembiayaan bagi syarikat-syarikat bumiputera, bagaimanapun tidak ramai yang mengetahui perkara ini. "Ia seakan tidak dirasai oleh komuniti Bumiputera" kata Ketua Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Cheras. Penubuhan **Unit Peneraju Agenda Bumiputera** merupakan satu unit strategik di bawah Jabatan Perdana Menteri yang berperanan meneraju, menyelaras dan memacu penyertaan Bumiputera melalui pelbagai inisiatif baru dan sedia ada.



Surat sokongan daripada Ketua Bahagian Umno perlu diiktiraf untuk pelbagai urusan kerajaan kerana pemimpin berkenaan banyak berjasa membantu perjuangan parti, kata wakil Umno Wilayah Persekutuan Dato' Zurainah Musa.

Dato' Zurainah berkata, tandatangan Ketua UMNO Bahagian bukan saja perlu diiktiraf menjelang pilihan raya tetapi untuk mendapat sokongan bagi rakyat mendapat bantuan Kerajaan.

"Jika Ketua Bahagian mengenali kontraktor dan mengeluarkan surat sokongan, apa salahnya kementerian mengiktiraf surat itu dengan tandatangan ketua bahagian?"

"Tidak menjadi kesalahan. Sudah pasti tandatangan ketua bahagian bukan saja diperlukan menjelang tiga atau empat tahun sekali tetapi lebih daripada itu," katanya dalam menyokong usul kewangan semasa Perhimpunan Agung Umno 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur hari ini.

"Ia perlu lebih bernilai. Tidak salah kalau Ketua Bahagian memberi surat sokongan dan kementerian wajib melihat pada surat sokongan Ketua-ketua Bahagian. Kena lakukan sekarang," kata beliau.

Dato' Zurainah turut bersetuju dengan cadangan yang dilontarkan supaya kerajaan menarik balik semula pekeliling dikeluarkan pada 2010 yang membatalkan surat sokongan daripada individu berpengaruh.



Perwakilan dari Perlis, Datuk Zahidi Zainul Abidin juga menyatakan gesaan yang sama memandangkan Umno selaku parti pemerintah perlu mengawal pentadbiran kerajaan.

"Langkah ini bagi menyakinkan orang Melayu yang Umno adalah satu-satunya entiti yang boleh menjaga kepentingan mereka," katanya.

Datuk Zahidi yang juga ahli Parlimen Padang Besar turut menggesa supaya sistem surat sokongan dikembalikan semula. – 28 November, 2014.